

# NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Pinji Botanics Sdn Bhd dan syarikat induk, anak syarikat, syarikat bersekutu, entiti yang dikawal bersama dan gabungannya (secara kolektifnya dikenali sebagai “Kumpulan”) menghormati privasi individu berkenaan data peribadi. Notis Perlindungan Data Peribadi ini dirumuskan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“Akta”). Untuk tujuan Notis Perlindungan Data Peribadi ini, “Data Peribadi” hendaklah mempunyai erti yang dianggap kepadanya dalam Akta. Untuk tujuan Notis Perlindungan Data Peribadi ini, terma “kami” akan merujuk kepada mana-mana syarikat dalam Kumpulan dan “anda” akan merujuk kepada anda dan/atau mana-mana orang lain atau syarikat yang diwakili oleh anda di mana anda memberikan maklumat Data Peribadi.

## A. MAKLUMAT YANG DIKUMPULKAN

1. Data Peribadi mengenai anda termasuk maklumat yang dikumpul seperti gambar, nama, butir-butir hubungan anda, alamat, nombor kad pengenalan atau nombor paspot, jantina, bangsa, kewarganegaraan, asal-usul etnik, pekerjaan atau jawatan, maklumat majikan, tarikh lahir, alamat e-mel, status perkahwinan, maklumat anak-anak, umur, pendapatan, tanda hormat, data sosio atau gaya hidup termasuk tetapi tidak terhad kepada nombor pendaftaran kenderaan, maklumat pengenalan, maklumat hartanah dan maklumat pinjaman.

2. Data Peribadi anda akan dikumpulkan dari pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) informasi, komen atau mesej yang anda serahkan kepada kami melalui apa jua cara dan/atau dalam apa jua perkara;
- b) maklumat yang dimasukkan atau diserahkan kepada kemudahan dalam talian seperti alat carian dan kalkulator;
- c) informasi dari pihak ketiga termasuk pihak yang memberi rujukan; dan
- d) informasi yang didapati secara bebas oleh Kumpulan dari sumber-sumber yang sah.

## B. TUJUAN MENGUMPUL DATA PERIBADI

1. Dengan memberikan apa-apa Data Peribadi anda kepada Kumpulan, anda dengan ini membenarkan Kumpulan mengumpul, menyimpan dan menggunakan Data Peribadi bagi tujuan-tujuan berikut:

- a) menjalankan dan/atau melaksanakan obligasi kami di bawah kontrak termasuk tetapi tidak terhad kepada penyerahan milikan kosong, penyerahan kunci, pengurusan hartanah/estet, jagaan pelanggan, kerja pembaikan kecacatan, perkhidmatan rumah kelab, keselamatan dan program kesetiaan pelanggan; dan/atau
- b) memberikan anda perkhidmatan atau produk atau manfaat yang ditawarkan oleh Kumpulan atau oleh pihak ketiga yang terpilih yang kami fikirkan mungkin diminati oleh anda; dan/atau
- c) pemprosesan permohonan anda; dan/atau
- d) jika berkenaan, pemasaran barangan dan perkhidmatan dan menghantar pengemaskinian, produk baru, tawaran khas, mana-mana pengiklanan,

bahan promosi dan/atau bahan komersial kepada anda, memproses invois dan pembayaran (termasuk bayaran kad); dan/atau

e) menjalankan penyelidikan mengenai perancangan, produk, barangan, perkhidmatan, keselamatan dan ujian; dan/atau

f) menjalankan prosedur sepadan menurut undang-undang; dan/atau

g) melaksanakan statistik analisa dan analisa penanda aras; dan/atau

h) tujuan yang berkaitan dengan operasi, pentadbiran, pengurusan, pembangunan, rekod simpanan, penguatkuasaan transaksi kontrak dan komunikasi dengan anda; dan/atau

i) setakat mana dikehendaki oleh undang-undang, di mana Kumpulan menganggap bahawa penggunaan atau pendedahan sedemikian adalah perlu untuk bertindak balas terhadap apa-apa tuntutan atau proses undang-undang, atau di mana Kumpulan mengesyaki telah, sedang atau mungkin akan terlibat dalam penipuan atau aktiviti yang menyalahi undang-undang; dan/atau

j) di mana pihak ketiga memperoleh atau ingin memperoleh, atau membuat pertanyaan berkaitan dengan memperoleh, suatu kepentingan dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan; dan/atau

k) di mana pihak yang membekalkan perkhidmatan dan produk memerlukan untuk pembekal perkhidmatan dan produk tersebut menjalankan fungsi, obligasi atau perkhidmatan yang diminta oleh Kumpulan atau sepertimana yang diperuntukkan di bawah undang-undang, peraturan, undang-undang kecil dan/atau panduan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau sebaliknya) atau sepertimana yang diperlukan oleh kerajaan dan/atau badan bukan kerajaan, agensi atau jabatan atau di mana pihak ketiga memerlukan untuk memastikan pelaksanaan mana-mana terma-terma perjanjian atau pun dokumen; dan/atau

l) untuk menyediakan dan menyerahkan mana-mana tuntutan atau bayaran kepada mana-mana pihak atau untuk audit/pemeriksaan oleh mana-mana pihak untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan perniagaan Kumpulan; dan/atau

m) tujuan yang berkaitan dengan menguatkuasakan hak Kumpulan mengikut mana-mana surat, perjanjian dan/atau dokumen termasuk mendapatkan nasihat undang-undang dan nasihat kewangan, mengambil apa-apa langkah-langkah awal atau memulakan apa-apa tindakan undang-undang; dan/atau

n) membuat pendedahan sedemikian sebagaimana yang dikehendaki bagi mana-mana tujuan di atas atau melalui undang-undang; dan/atau

o) apa-apa tujuan yang berkenaan atau secara sampingan atau untuk melanjutkan tujuan Kumpulan.

2. Kami boleh sama ada menghubungi anda untuk tujuan seperti yang dinyatakan dalam perkara (B) di atas melalui panggilan telefon, e-mel, khidmat pesanan ringkas, pos, faksimili, media sosial atau melalui apa jua cara komunikasi yang sedia ada.

### **C. PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN**

1. Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada kami akan dirahsiakan tetapi anda bersetuju bahawa Kumpulan boleh mendedahkan dan memindahkan (sama ada di Malaysia atau luar negara) di antara mana-mana syarikat dalam Kumpulan dan/atau kepada pihak ketiga yang perlu dan sesuai termasuk tetapi tidak terhad

kepada konsultan, peguam, pengaudit, majikan, kontraktor, pembekal, rakan kongsi, ahli gabungan bersama, pengiklan, pembeli, pengendali rangkaian, syarikat yang menjalankan pengurusan hartanah, pembekal perkhidmatan dan produk, syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, mana-mana pihak authoriti (kerajaan dan/atau bukan kerajaan), kedutaan, badan statutori, badan regulatori, mana-mana organisasi atau institusi kewangan berkenaan, seseorang yang lain di bawah tugas kerahsiaan terhadap Kumpulan atau mana-mana syarikat di dalam Kumpulan, mana-mana syarikat dalam Kumpulan (termasuk yang ditubuhkan atau diperbadankan dari masa ke semasa), pemegang serah hak atau penerima pindahan atau pembeli sama ada sebenar atau yang dicadangkan bagi apa-apa hak/perniagaan/aset syarikat dalam Kumpulan, pembekal perkhidmatan dan produk (termasuk mereka yang membantu kami dalam penyediaan Laman Web), untuk keperluan operasi, pentadbiran, pembangunan Kumpulan dan organisasi yang membekalkan perkhidmatan arkib, pengauditan, nasihat profesional, pungutan hutang, insurans, perbankan, pemasaran, pengiklanan, mailhouse, penghantaran, perekrutan, pusat panggilan, teknologi, penyelidikan, utiliti, program kesetiaan dan keselamatan untuk menggunakan, mendedahkan, memegang, memproses, menyimpan atau memindahkan Data Peribadi itu bagi tujuan (B) di atas untuk dan bagi pihak Kumpulan.

#### **D. KESAN KETIADAAN PERUNTUKAN DATA PERIBADI**

1. Sila ambil perhatian bahawa sekiranya Data Peribadi yang mencukupi tidak dibekalkan, atau tidak memuaskan kepada Kumpulan maka permohonan atau permintaan anda kepada Kumpulan bagi apa-apa tujuan di atas seperti yang dinyatakan dalam (B) di atas mungkin tidak boleh diterima atau bertindak ke atasnya atau permintaan anda untuk melayari maklumat dalam Laman Web mungkin akan dinafikan atau Kumpulan tidak akan dapat memberikan pelbagai jenis manfaat dan/atau perkhidmatan dan/atau melaksanakan obligasiobligasinya di bawah apa-apa kontrak yang bakal ditandatangani ataupun yang kontrak yang sedia ada.

#### **E. HAK AKSES KEPADA DATA PERIBADI**

1. Di bawah Akta, anda mempunyai hak akses kepada Data Peribadi anda yang dipegang oleh Kumpulan atas pembayaran fi yang ditetapkan dan memohon pembetulan Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskinikan, tertakluk kepada sebarang sekatan di bawah undang-undang serta syarat-syarat kontrak.

2. Jika anda mempunyai sebarang soalan mengenai Notis Perlindungan Data Peribadi ini atau jika anda ingin memohon akses kepada Data Peribadi anda atau jika anda ingin membetulkan Data Peribadi anda atau jika anda ingin menarik balik persetujuan/ kebenaran anda kepada Kumpulan bagi pemprosesan Data Peribadi anda bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam (B) di atas atau untuk pemindahan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan dalam (C) di atas, anda boleh menghantar permohonan anda secara bertulis ke alamat berikut:

#### **Pinji Botanics Sdn Bhd**

F-1, Medan Botani (Pusat Komersial  
Botani Village), Medan Botani 1A,  
Bandar Seri Botani, 31500, Ipoh, Perak

Tel: +605-226 2633  
Fax: +605-226 2635  
Email: [tprop-gen@taiko.com.my](mailto:tprop-gen@taiko.com.my)

3.Sila ambil perhatian bahawa walaupun anda menarik balik kebenaran/persetujuan anda, Kumpulan masih boleh terus memproses Data Peribadi anda di bawah keadaan-keadaan yang diiktiraf dan dibenarkan oleh undang-undang dan seperti yang diperlukan di bawah syarat-syarat kontrak.  
4.Kumpulan berhak untuk mengenakan fi yang munasabah untuk memproseskan mana-mana permohonan akses.

**F. DATA PERIBADI YANG DIBERIKAN OLEH ANDA**

1. Anda mengesahkan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada orang dan/atau syarikat yang diwakili anda untuk anda memberikan Data Peribadi mereka masing-masing kepada kami bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam (B) di atas dan mendedahkan kepada pihak-pihak yang dinyatakan dalam (C) di atas.

**G. PENGUBAHAN KEPADA NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

1. Kumpulan berhak untuk meminda Notis Perlindungan Data Peribadi ini dari semasa ke semasa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Anda akan dimaklumkan mengenai sebarang pindaan ketara kepada Notis Perlindungan Data Peribadi ini.